

# Cuepacs syor sistem saraan baharu

**Seremban:** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan mengemuka dan membentangkan cadangan sistem saraan baharu bagi menggantikan Sistem Saran Malaysia (SSM) kepada kerajaan awal bulan depan.

Timbalan Presiden 1 Cuepacs, Aminuddin Awang berkata, cadangan sistem saraan baharu itu lebih ber-

sifat komprehensif dan menyeluruh iaitu merangkumi semua skim perkhidmatan penjawat awam.

Katanya, draf cadangan itu hampir siap dan akan dibentangkan kepada kerajaan Oktober ini.

“Sistem saraan baharu ini bertujuan menambah baik dari segi perkhidmatan penjawat awam. Kami tidak mahu lagi ada per-

kara atau aspek yang ter-cicir.

“Malah, sistem saraan ini dibuat dari sudut Cuepacs sendiri iaitu kakitangan yang berada di lapangan dan lebih tahu mengenai keperluan penjawat awam,” katanya selepas Program Merdeka@Komuniti Daerah Seremban 2020 di Dewan Wawasan Penjara Seremban di sini, semalam.